

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 21 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 04

RINGKAS



ANGGOTA bomba dan pasukan Hazmat membuat pemantauan sekitar tapak pembuangan sisa bahan kimia di Jalan Kapar Batu 16, Kampung Tambak Jawa.

Lokasi pembuangan sisa kimia disahkan selamat, udara normal

Kuala Selangor: Kawasan sekitar Jalan Kapar Batu 16, Kampung Tambak Jawa di sini, yang menjadi lokasi pembuangan sisa bahan kimia disahkan selamat dan keadaan udara normal.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Hafsham Mohd Noor berkata, pengesahan itu dibuat selepas pemantauan pasukan Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (Hazmat), semalam.

Katanya, sejumlah 244 tong berkapasiti 200 hingga 210 liter ditemui di dua lokasi sekitar kawasan berkenaan pada 20 November lalu.

**244 tong
200 hingga
210 liter,
ditemui
di dua lokasi
sekitar
kawasan
berkenaan**